








**MEMANGKIN TRANSFORMASI KE ARAH
MASA DEPAN YANG LEBIH CERAH**

**UNIT PENGURUSAN PRESTASI
DAN PELAKSANAAN (PEMANDU)**

Jabatan Perdana Menteri

Aras 3, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya

-  +603 8872 7240
-  +603 8889 4428
-  feedback.gtp@pemandu.gov.my
-  [@gtp_roadmap](https://twitter.com/gtp_roadmap)
-  www.pemandu.gov.my/gtp



EKOSISTEM TRANSFORMASI NEGARA

Program Transformasi Negara Malaysia (NTP) adalah sebuah pelan perubahan multi-lateral yang bercita-cita tinggi yang menyasarkan untuk melonjakkan negara menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Program ini dibahagikan kepada 2 komponen: Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

GTP bertujuan untuk mengubah perkhidmatan awam kepada sebuah pentadbiran yang dinamik, inovatif dan berfokus menerusi 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), manakala ETP pula bertindak memacu pembangunan 12 sektor ekonomi bersama 6 inisiatif pembaharuan strategik dalam negara. Pelaksanaan serentak kedua-dua pelan ini akan memastikan pembangunan infrastruktur yang mantap yang akan mewujudkan dan menyokong matlamat pembangunan negara.



PERPADUAN

MENYELURUH

MAMPAN

BERDAYA SAING

WAWASAN 2020

NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI

Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah satu usaha menyeluruh yang akan mengubah Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Matlamat ini adalah untuk meningkatkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita kepada USD15,000 atau RM 48,000 dan mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan baru pada tahun 2020. Tumpuan dan daya saing adalah teras utama yang akan memacu transformasi ini.

TUMPUAN TERHADAP PERKEMBANGAN SEKTOR UTAMA EKONOMI

Tumpuan terletak dalam 12 Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) di mana Malaysia mempunyai kekuatan semula jadi untuk memacu ekonomi ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi. NKEA tersebut adalah Minyak, Gas dan Tenaga; Minyak Sawit & Getah; Perkhidmatan Kewangan; Pelancongan; Perkhidmatan Perniagaan; Elektrik dan Elektronik; Pemborongan dan Peruncitan; Pendidikan; Penjagaan Kesihatan; Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur; Pertanian dan Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.

PENDIDIKAN

Telah banyak kerja yang dilakukan untuk meningkatkan standard pendidikan bagi memastikan masa depan rakyat Malaysia lebih kompetitif untuk bersaing bagi mendapatkan pekerjaan setaraf dengan standard antarabangsa.



KESELAMATAN AWAM

Bagi memastikan seluruh rakyat Malaysia berasa selamat dan terjamin dalam rumah dan kawasan kejiranan mereka, selain meningkatkan interaksi dengan komuniti dalam usaha untuk mewujudkan rasa tanggungjawab di kalangan seluruh rakyat Malaysia.



KEBAJIKAN MASYARAKAT

Rakyat daripada seluruh lapisan masyarakat juga boleh menjangkakan untuk merasai kesan daripada inisiatif-inisiatif GTP dalam kehidupan seharian mereka. GTP juga menyasarkan untuk membantu rakyat menikmati kehidupan yang lebih berkualiti dan dalam pada masa yang sama menangani isu kenaikan kos sara hidup.


PENGANGKUTAN

Mempertingkatkan sistem pengangkutan dalam hab kewangan dan ekonomi Lembah Klang yang bukan sahaja memudahkan perjalanan berulang-alik rakyat setiap hari, tetapi infrastruktur yang lebih baik juga akan memacu ke arah pembangunan ekonomi dan sosial masa hadapan.



PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Bukan sahaja untuk memberikan infrastruktur asas yang penting kepada rakyat, tetapi termasuk pembangunan infrastruktur sedia ada di kawasan luar bandar dan kampung serta industri-industri untuk mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat di kawasan berkenaan.



DAYA SAING

6 Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) telah diwujudkan untuk meningkatkan daya saing dalam perniagaan di Malaysia serta membolehkan Malaysia bersaing di pasaran global dan mewujudkan syarat-syarat yang boleh menggalakkan pelaburan.

SRI tersebut adalah Persaingan, Standard dan Liberalisasi; Peranan Kerajaan dalam Perniagaan; Pembangunan Modal Insan; Penyampaian Perkhidmatan Awam; Merapatkan Jurang Ketaksamaan (Bumiputera SME); dan Pembaharuan Kewangan Awam.

PENGENALAN KEPADA GTP

GTP telah diperkenalkan dalam tahun 2009, untuk membentuk asas bagi mentransformasi negara ke arah negara membangun dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Ia telah direka bentuk menjadi sebuah program perubahan yang bercita-cita dan menasaskan untuk mengubah dasar-dasar Kerajaan. Kerjasama daripada semua pihak-pihak berkepentingan, daripada perkhidmatan awam kepada sektor swasta, dan rakyat adalah sangat penting.

Setelah semua perkara ini dipertimbangkan, lahirlah 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). NKRA-NKRA ini juga disokong oleh Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) yang diwujudkan bagi menangani isu-isu diluar NKRA yang juga cukup penting untuk perhatian kementerian.

8 Langkah Transformasi

GTP berlandaskan metadologi berikut

- Hala Tuju Strategik Dan Keutamaan**
 Tinjauan telah dijalankan dan hasilnya dibincangkan oleh Kabinet untuk menentukan hala tuju yang perlu diikuti
- Makmal**
 Makmal dijalankan untuk merangka inisiatif dan melaksanakan langkah-langkah bagi bidang fokus utama
- Hari Terbuka**
 Hari Terbuka diadakan bagi orang awam berkongsi maklum balas mengenai hasil daripada makmal yang dijalankan
- Pelan Hala Tuju**
 Sebuah Pelan Hala Tuju diterbitkan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti
- Penetapan Sasaran Penunjuk Prestasi Utama (KPI)**
 Sasaran KPI ditetapkan dan kemajuan dikemas kini untuk diberikan kepada semua Menteri pada setiap minggu
- Pelaksanaan**
 Inisiatif-inisiatif dilaksanakan dengan pelbagai cabaran dan pencapaian akan didokumenkan
- Penilaian Prestasi Antarabangsa(IPR) / Audit**
 Maklum balas luar oleh panel antarabangsa ke atas hasil yang telah dicapai
- Laporan Tahunan**
 Sebuah Laporan Tahunan diterbitkan dengan memperincikan kemajuan dan pencapaian untuk tatapan umum

GTP 3.0 2016 – 2020

Pembangunan ke arah Negara Berpendapatan Tinggi

Peringkat terakhir dalam membantu Malaysia mencapai cita-cita aspirasi Wawasan 2020, GTP 3.0 bukan lagi sasaran pembaharuan, tetapi menasaskan untuk memperluaskan kerajaan kepada peringkat berikutnya yang tertumpu kepada kepentingan seperti inovasi dan model penyampaian berpendukan rakyat.

Setelah sasaran dicapai, Malaysia akan diletakkan bersama-sama negara-negara membangun dengan sistem kerajaan yang paling cemerlang.

GTP 2.0 2013 – 2015

Usaha-usaha daripada Semua Pihak-pihak Berkepentingan

Fasa kedua GTP dibentuk berdasarkan kejayaan yang telah dicapai dalam GTP 1.0 dengan memperluaskan pembentukan untuk melengkapkan transformasi perkhidmatan awam.

Sementara itu, langkah-langkah akan diambil untuk membangunkan lagi budaya kerja, yang merupakan perkara penting dalam persediaan Malaysia ke fasa pembangunan yang seterusnya.

GTP 1.0 2009 – 2012

Menyemai Benih Transformasi

Bagi melaksanakan perubahan yang besar dan cepat dalam perkhidmatan awam dan struktur kerajaan.

Fasa pertama transformasi menasaskan untuk melakukan perubahan daripada akar umbi budaya kerja dalam perkhidmatan awam dengan pelbagai kementerian yang mencabar bagi membentuk dan menangani isu-isu penting yang memberi kesan kepada rakyat.





MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT

Meskipun Kerajaan gigih berusaha untuk memastikan harga barangan keperluan adalah pada paras yang berpatutan untuk rakyat, ia masih lagi jelas bahawa masih terdapat lapisan masyarakat yang berpendapatan tidak seiring dengan inflasi. Sejak dua tahun kebelakangan ini, harga barang keperluan seperti makanan dan bahan api meningkat secara mendadak disebabkan oleh faktor luaran yang berada di luar kawalan Kerajaan.

Terdapat keperluan bagi pendekatan yang lebih fokus untuk membantu meringankan beban rakyat dalam kenaikan kos sara hidup, dan ianya dilihat menerusi pengenalan NKRA COL ini. Tambahan baru dalam GTP ini telah mengambil pendekatan yang sangat berbeza daripada enam NKRA lain, dan ianya bersifat reaktif dalam langkah-langkah yang diambil berdasarkan hasil kajian terperinci terhadap perubahan persekitaran ekonomi.

Bidang Fokus Utama

- 1 Menyediakan bantuan segera kepada rakyat yang paling terjejas akibat kenaikan harga
- 2 Memperkenalkan program yang diterajui oleh Kerajaan untuk menguruskan harga barangan asas

168 Klinik 1Malaysia telah beroperasi pada tahun 2012

RM 530 juta telah diagihkan kepada pelajar menerusi program **Kembali ke Sekolah**

Lebih **2,000 restoran** turut serta dalam **Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M)**

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) telah diagihkan kepada lebih **4 juta isi rumah**

59 Kedai Rakyat 1Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 2012



MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT



Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus memantau keadaan dan melakukan perubahan yang sesuai apabila perlu. Meskipun dengan kejayaan dalam GTP 1.0, harga makanan dan minyak tetap dijangka terus meningkat memandangkan dunia terus bergantung kepada komoditi. NKRA COL hendaklah membuat penyesuaian yang sama untuk memastikan impak kenaikan harga pada masa depan adalah minima.

Menyasarkan untuk melancarkan **90 buah Kedai Rakyat 1Malaysia** dalam tahun 2013

Meningkatkan jumlah **penyertaan restoran MR1M** baru sebanyak **1,000 buah** dalam tahun 2013



Melancarkan **70 Buah Klinik 1Malaysia** dalam tahun 2013



Sokongan berterusan ke atas **Bantuan Buku 1Malaysia (BB1M)** di mana situasi adalah wajar



Menyasarkan pelancaran **16 projek baru Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)** daripada tahun 2013 hingga 2015



MEMPERTINGKATKAN PENCAPAIAN PELAJAR

Kerajaan menyedari bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan penyampaian dalam pendidikan, oleh itu NKRA Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar (NKRA EDU) dibentuk. NKRA ini telah diberi mandat serta merta untuk menangani jurang dalam sistem pendidikan.


NKRA EDU telah melakukan usaha keras untuk menjadi inklusif kerana akses kepada pendidikan berkualiti adalah hak setiap rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, tahap pendapatan atau latar belakang lain. Oleh itu, ia telah memberi tumpuan kepada bidang pendidikan tertentu yang dikenal pasti dalam Makmal GTP sebagai salah satu yang akan memberikan kesan ketara kepada keseluruhan penerimanya.

Bidang Fokus Utama

- 1 Memperkasa sekolah-sekolah untuk mengambil lebih tanggungjawab dan akauntabiliti terhadap keberhasilan pelajar masing-masing
- 2 Membuat pelaburan terhadap pengetua dan guru besar yang menjadi pemacu utama perubahan menerusi program pemilihan yang ketat
- 3 Menarik minat dan membangunkan guru terbaik

61,000 guru Bahasa Inggeris telah diuji dalam **Cambridge Placement Test (CPT)** untuk mengukur kecekapan mereka

Kohort ketiga program **LINUS** menunjukkan kadar **kemahiran sebanyak 82%** bagi numerasi dan **90%** bagi literasi



Pembukaan 2054 buah kelas prasekolah baru dengan peningkatan jumlah enrolmen sebanyak **80.5%** **kanak-kanak prasekolah**

Penurunan 43.6% (atau 164 buah sekolah) dalam Band 6 dan 7



Peningkatan 27.1% (atau 101 buah sekolah) dalam Band 1 dan 2



MENUJU GTP 2.0



MEMPERTINGKATKAN PENCAPAIAN PELAJAR

Kejayaan inisiatif-inisiatif NKRA dalam GTP 1.0 telah memberikan satu sebab yang kukuh untuk penambahbaikan dalam GTP 2.0. Hampir kesemua inisiatif-inisiatif dalam GTP 2.0 mempunyai kaitan yang jelas dengan inisiatif-inisiatif GTP 1.0, tetapi mempunyai pengenalan baru yang meluaskan skop kerja NKRA EDU.

Dua penekanan baru dalam GTP 2.0 termasuk memberi tumpuan kepada peningkatan pendidikan bahasa Inggeris dan meningkatkan kerjaya guru dengan menyediakan peningkatan kemajuan dan peluang pembangunan.

Prasekolah dan Pusat Penjagaan Awal Kanak-kanak

Kejayaan inisiatif Prasekolah dalam GTP 1.0 telah membawa kepada pengembangan skop NKRA untuk turut merangkumi penjagaan awal kanak-kanak. Ini bagi memastikan kanak-kanak didedahkan kepada persekitaran pendidikan yang formal pada usia formatif.



Program Pembangunan Sekolah (SIP)

GTP 2.0 akan memperkasakan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dengan memberikannya kuasa untuk menyediakan sokongan dan bantuan yang sesuai kepada sekolah berprestasi rendah.




Tawaran Baharu dan Pakej Baharu Kerjaya Pengetua

Inisiatif yang dipertingkatkan ini akan memperkemaskan proses pelantikan dan seterusnya menjajarkan pelantikan tersebut dengan sistem berasaskan prestasi. Ia juga akan mewujudkan pelan penggantian yang komprehensif.



Pakej Baharu Kerjaya Guru

Inisiatif ini akan menjajarkan semula pampasan guru daripada berasaskan tempoh perjawatan kepada yang berasaskan prestasi.




Merapatkan Jurang dalam Pendidikan Khas

Makmal pendidikan khas telah diadakan bagi mengenalpasti dan menyediakan penyelesaian untuk menangani jurang dalam penyampaian pendidikan keperluan khas di Malaysia.



Peningkatan Kemahiran Guru Bahasa Inggeris

Inisiatif ini menyasarkan untuk mempertingkatkan kemahiran mereka agar setaraf dengan standard antarabangsa melalui beberapa program pembangunan profesional yang lebih fokus dan berkesan.



LINUS 2.0

LINUS akan terus diperluaskan dalam GTP 2.0 dengan penambahan saringan dalam penguasaan bahasa Inggeris. Proses saringan juga telah ditambah baik untuk memantau pelajar setiap tahun tanpa mengira tahap kemahiran mereka.

Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

Program ini juga menyasarkan untuk mengenal pasti lebih banyak SBT. Secara khusus, lapan buah sekolah lagi akan ditambah kepada senarai sedia ada bagi melengkapkan sasaran awal 100 sekolah, dan 10 buah sekolah lagi akan ditambah setiap tahun seterusnya.



Sekolah Berprestasi Tinggi 92 + 8 = 100




MEMPERTINGKATKAN INFRASTRUKTUR ASAS LUAR BANDAR

NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar (NKRA RBI) dilaksanakan untuk memastikan rakyat luar bandar memperoleh akses kepada kemudahan asas, iaitu jalan raya, bekalan air bersih, bekalan elektrik yang andal dan perumahan. Apa pun jua ukurannya, usaha NKRA RBI telah berjaya meningkatkan dengan ketara kualiti kehidupan rakyat luar bandar, baik di Semenanjung Malaysia mahupun di Sabah dan Sarawak sepanjang tiga tahun yang lepas.

Kekurangan kemudahan asas merupakan penghalang terbesar dalam pembangunan kawasan luar bandar yang membawa kepada pembantutan pendapatan dan peluang pembangunan bagi golongan miskin. Hasilnya, teras tunggal GTP 1.0 adalah untuk mengambil tindakan yang lebih baik untuk memperbaiki infrastruktur fizikal. NKRA RBI juga sedar bahawa langkah pelaksanaan adalah tumpuan utama seterusnya, oleh itu sebuah program pelaksanaan yang dipercepatkan juga telah diambil.

Bidang Fokus Utama

- 1 Peningkatan akses kepada jalan berturap / jalan kelikir
- 2 Peningkatan akses kepada air bersih / terawat
- 3 Peningkatan akses 24 jam kepada bekalan tenaga elektrik
- 4 Membina dan membaiki pulih rumah bagi penduduk miskin luar bandar



Peningkatan akses kepada **air bersih / terawat**, memberi kesan kepada **1.4 juta isi rumah**

Membina dan membaiki pulih **rumah** bagi penduduk miskin luar bandar, memberi manfaat kepada **266,880 isi rumah**

Peningkatan akses kepada **jalan berturap / jalan berkerikil**, memberi kesan kepada **2.2 juta isi rumah**

Peningkatan akses kepada **bekalan tenaga elektrik 24 jam**, memberi kesan kepada hampir **500,000 isi rumah**



MEMPERTINGKATKAN INFRASTRUKTUR ASAS LUAR BANDAR

NKRA RBI menjalani perubahan yang besar dalam menuju GTP 2.0 dimana tumpuan tidak hanya kepada infrastruktur asas sahaja, tetapi mengambil langkah lebih holistik dalam kerja pembangunan kawasan luar bandar. Justeru itu, NKRA RBI akan diberi nama baharu sebagai NKRA Pembangunan Luar Bandar.

Walaupun NKRA RBI akan mengekalkan pembangunan infrastruktur sebagai aliran kerja dalam keseluruhan strukturnya, sebuah komponen penyenggaraan juga akan diperkenalkan dalam aliran kerja ini untuk memastikan bahawa infrastruktur yang dibina tidak merosot. Sementara itu, aliran kerja kedua ini akan menumpukan kepada program pembangunan ekonomi luar bandar – Program Kampung Abad Ke-21 – juga akan diperkenalkan dalam GTP 2.0 sebagai peneraju utama yang kedua.

GTP 2.0 (2013-2015)



Peladangan



Eko Pelancongan



Kampung Abad Ke-21



Pertanian



Industri Desa

NKRA RBI dalam GTP 2.0 akan tertumpu kepada lebih kawasan-kawasan terpencil

4.5 + 2 Juta Rakyat

Kesan / Manfaat

Program Kampung Abad Ke-21 (KA21)

Elemen utama **pembangunan luar bandar** adalah untuk memastikan **ekonomi yang mampan dan berdaya maju** dapat diwujudkan. Oleh itu, KA21 menyasarkan untuk membentuk **ekonomi luar bandar yang berdaya maju** yang membuka peluang pendapatan yang menarik di samping **menterbalikkan trend diaspora (penghijrahan)** ke bandar besar serta **meningkatkan Pendapatan Negara Kasar (PNK)** selaras dengan matlamat pembangunan **Wawasan 2020**.



MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

GTP merupakan sebuah program perubahan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama atau latar belakang. GTP tidak boleh dianggap sebagai satu kejayaan jika ia mengabaikan usaha untuk menangani kebimbangan rakyat kurang bernasib baik yang terperangkap dalam arus kemiskinan. Justeru, teras bersepadu yang digariskan dalam GTP akan dapat menangani isi rumah berpendapatan rendah dengan membantu mereka keluar daripada belunggu kemiskinan.


Di bawah GTP 1.0, beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk mencapai dua matlamat utama: memberikan bantuan segera kepada rakyat yang sangat memerlukan untuk memperkasakan golongan miskin dan miskin tegar untuk berdikari dari sudut kewangan. Dengan terlaksananya dua matlamat ini, secara langsung NKRA LIH mencapai dua kejayaan serentak: membantu Negara dalam meningkatkan purata Pendapatan Negara Kasar (PNK), atau *Gross National Income (GNI)* dan seterusnya membantu golongan yang kurang bernasib baik di Negara ini bebas daripada belunggu kemiskinan.

Bidang Fokus Utama

- 1 Memastikan penyertaan program 1AZAM
- 2 Memastikan semua peserta tersebut meningkatkan pendapatan per kapita mereka melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PLI)
- 3 Melatih dan membangunkan usahawan wanita
- 4 Meningkatkan pemilikan rumah oleh isi rumah miskin

Pada tahun 2012, program **Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia** telah membina **2,010 buah rumah** untuk isi rumah miskin

Dalam tempoh 3 tahun yang lepas, sebanyak **4,300 usahawan wanita** telah **dilatih**



106,967 peserta 1AZAM telah **dikenal pasti** sejak penubuhan program itu



MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

Membasmi kemiskinan merupakan sebuah proses pembelajaran dan sebahagian besar daripada pembelajaran ini diperoleh melalui pengalaman secara langsung dan juga pengalaman yang diperoleh secara praktikal. Cabaran-cabaran yang dilalui dalam GTP 1.0 masih wujud, seperti usaha pembasmanian dan pengurangan kemiskinan mesti dilaksanakan dengan pendekatan yang lebih holistik, menyasarkan perubahan jangka panjang dan mencipta perubahan dalam gaya hidup.

Matlamat bagi fasa transformasi yang seterusnya adalah untuk mendapatkan penyertaan yang lebih giat dan meluas oleh entiti korporat, NGO dan individu. GTP 2.0 akan meluaskan skopnya untuk menangani kemiskinan pada peringkat masyarakat, termasuk masyarakat tertentu seperti kaum Penan di Sarawak dan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Secara keseluruhannya, GTP 2.0 akan menekankan pengupayaan ekonomi individu dan masyarakat melalui kebajikan yang produktif, dan usaha ini akan memerlukan pewujudan kemudahan asas serta persekitaran yang sesuai. Kumpulan mudah terjejas yang disasarkan untuk pengupayaan ekonomi ini termasuklah golongan kurang upaya, bekas penagih dadah, isi rumah ibu tunggal dan bekas banduan. Matlamat di bawah NKRA LIH adalah:

Mengurangkan Kemiskinan dengan Program 1AZAM



Penguatan ekonomi termasuk orang kurang upaya, bekas penagih dadah, ibu tunggal dan bekas banduan.

Meluaskan Kerjasama daripada Entiti Korporat, NGO dan Individu



Memastikan **setiap isi rumah miskin dan miskin tegar** yang didaftarkan dalam pangkalan data e-Kasih memperoleh peluang untuk membina **keupayaan diri sendiri dari segi ekonomi**, sama ada melalui program **1AZAM** atau **program-program lain yang dianjurkan oleh rakan-rakan korporat dan NGO**.



KEBERHASILAN 2012



MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar (NKRA UPT) telah dibangunkan sejajar dengan pengangkutan awam sedia ada di samping menambah kemudahan baharu seperti penambahan jajaran Transit Aliran Ringan (LRT) dan Sistem Transit Aliran Massa (MRT).

Penunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI) NKRA adalah untuk meningkatkan nisbah penumpang yang menggunakan pengangkutan awam. Dikenali juga sebagai nisbah mod pengangkutan awam, NKRA UPT telah memfokuskan inisiatifnya bagi memastikan peningkatan kapasiti, keandalan, kesalinghubungan dan keselesaan pengangkutan awam.

Bidang Fokus Utama

- 1 Bas & Rel
- 2 Integrasi untuk pemindahan dan penukaran yang mudah di antara mod pengangkutan awam yang berbeza.
- 3 Perluasan Rangkaian
- 4 Pembolehubah:
 - ➔ Penilaian semula kadar tambang
 - ➔ Akademi Pemandu dan Program Penambahbaikan
 - ➔ Pasukan Petugas Penguatkuasaan Bersama

Peningkatan modal perkongsian pengangkutan awam kepada **20% dalam tahun 2012** daripada **16.42% pada tahun 2011**



Pengenalan **Sistem Maklumat Penumpang (Passenger Information System, PIS)** yang mengesan lokasi bas menggunakan **Sistem Penentu Kedudukan Sejagat (GPS)**

Park & Ride Gombak (berhampiran stesen LRT Gombak) telah dilancarkan **dengan 1,200 ruang parkir kereta**

Pengenalan kepada **bas antara bandar Go-KL**, dengan bilangan penumpang harian mencecah **16,000 orang**

MENUJU GTP 2.0




MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR



Banyak lagi yang perlu dilakukan untuk menggalakkan penggunaan yang lebih baik dalam pengangkutan awam. Jumlah penduduk Greater Kuala Lumpur dijangka akan mencecah 10 juta menjelang tahun 2020, dan ini akan menyebabkan usaha membaik pulih sistem pengangkutan awam bandar menjadi semakin kritikal kerana penggunaan jalan raya di sekitar pusat Bandar kini menghampiri keupayaan maksimum.

Kecenderungan memiliki kenderaan persendirian akan hanya bertambah buruk sekiranya pengangkutan awam kekal kurang cekap dan berkesan. Justeru, GTP 2.0 akan terus meningkatkan momentum yang dibina dalam GTP 1.0 dengan fokus utama di kawasan Greater Kuala Lumpur / Lembah Klang. Namun demikian, suatu mekanisme "watching brief" akan dilancarkan untuk memastikan beberapa inisiatif juga dilaksanakan di bandar-bandar lain, terutamanya di koridor ekonomi utara. Antara aspirasi utama di bawah GTP 2.0 adalah:


Meningkatkan bilangan penumpang waktu puncak pagi kepada **750,000 orang** pada tahun 2015



Penyambungan laluan LRT Kelana Jaya dan Ampang dijangka pada tahun 2015



Meningkatkan sasaran jumlah penduduk yang tinggal dalam jarak berjalan kaki (400m) dari laluan pengangkutan awam kepada **75%** daripada **63%**



3,000 buah Teksi Bajet KL akan disediakan setanding dengan standard yang terbaik di negara-negara ASEAN




MENGURANGKAN JENAYAH

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan pada 2009, rakyat Malaysia telah mengenalpasti bahawa jenayah adalah keutamaan kedua terbesar selepas ekonomi. Jenayah telah mengurangkan semangat dan keyakinan orang ramai terhadap keupayaan Kerajaan untuk mengekalkan keselamatan serta keamanan. Susulan hasil kajian ini, lahirlah NKRA Mengurangkan Jenayah yang telah diperkenalkan pada tahun 2010.

Inisiatif-inisiatif dalam NKRA Jenayah ini telah menunjukkan hasil yang nyata dalam usaha memerangi jenayah pada tiga tahun yang lalu tetapi ia juga menunjukkan masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan.

Bidang Fokus Utama

- 1 Mengurangkan Jenayah Indeks yang dilaporkan
- 2 Mengurangkan Jenayah Jalan yang dilaporkan
- 3 Mengurangkan kebimbangan menjadi mangsa jenayah
- 4 Menambah baik sistem keadilan
- 5 Meningkatkan kepuasan orang awam terhadap prestasi PDRM



Kerjasama Lebih Baik dengan Kumpulan Sasar

- ➔ Amanita: kumpulan wanita
- ➔ Pertubuhan Kediaman
- ➔ Pusat beli-belah

Memperluaskan Program Bandar Selamat (SCP)



Memperluaskan Program Omnipresence

- ➔ Inisiatif "Biru dan Hijau" di sekolah
- ➔ Pusat beli-belah
- ➔ Pasar basah
- ➔ Terminal pengangkutan awam
- ➔ Kedutaan asing



MENGURANGKAN JENAYAH

NKRA Mengurangkan Jenayah akan terus meningkatkan tumpuannya dalam fasa kedua transformasi dengan menumpukan sokongan ke atas mangsa jenayah. GTP 2.0 juga akan melihat kepada perubahan sifat semula jadi kepolisan.

Pada hari ini, polis diharap menjadi penguatkuasa undang-undang yang berorientasikan masyarakat. Selain menyelesaikan masalah dan membantu mencegah jenayah, pegawai polis hari ini diharap bersikap lebih proaktif, interaktif dan mudah didekati.

Pencegahan Kecurian Kenderaan

- ➔ Penguatkuasaan bersama terhadap bengkel haram
- ➔ Mengukuhkan kawalan sempadan dan semua pintu masuk
- ➔ Pasukan khusus

INISIATIF "BLACK SPOT"

Pemutihan Kawasan Hitam

- ➔ Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Alam Sekitar (CPTED)
- ➔ Kepolisan komuniti

Meningkatkan Kepuasan Orang Awam terhadap Perkhidmatan Polis

- ➔ Triaj kaunseling
- ➔ Sistem Semakan Online
- ➔ Masa tindak balas 8 minit

Pencegahan Kejadian Pecah Masuk Rumah

- ➔ CPTED - Ciri-ciri Keselamatan Rumah
- ➔ Unit Rondaan Bermotosikal (URB) PDRM
- ➔ Perkongsian Pintar



MEMBANTERAS RASUAH

Rasuah masih kekal menjadi penghalang besar kepada Negara untuk mencapai sasaran pembangunan yang tinggi menjelang tahun 2020, yang bergantung pada jumlah pelaburan swasta yang besar daripada sumber domestik dan luar Negara. Kegiatan rasuah akan membantutkan pembangunan Negara dan merencatkan penyertaan rakyat daripada terlibat dalam Kerajaan.

Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa inisiatif NKRA Anti-Rasuah kini memberikan impak besar selepas ranking Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index, CPI*) Malaysia, menerusi kajian yang dilaksanakan oleh Transparency International (TI), mencatat peningkatan enam tangga daripada 60 kepada 54 pada tahun 2012. Ini merupakan peningkatan yang ketara berbanding dengan tahun sebelumnya yang menyaksikan ranking Negara jatuh empat tangga daripada 58 pada tahun 2010.

Bidang Fokus Utama

- 1 Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang dan Kawal Selia
- 2 Rasuah Besar
- 3 Perolehan Kerajaan

75% perbicaraan kes rasuah telah berjaya diselesaikan dalam tempoh setahun

154 buah syarikat telah menandatangani **Ikrar Korporat Integriti (CIP)** sehingga Disember 2012



Sehingga Disember 2012, **1172** maklumat pesalah rasuah telah dipamerkan dalam pangkalan data **“Name and Shame”**

Pengumuman pembaharuan semula pembiayaan politik oleh **Perdana Menteri**

Peningkatan dalam ranking **Indeks Persepsi Rasuah (CPI) kepada 4.9** dengan kedudukan **Malaysia pada tangga 54** daripada tangga ke-60 pada tahun 2011



Pelaksanaan **Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES)** oleh **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)**



MEMBANTERAS RASUAH

Bagi 3 tahun berikutnya, GTP akan menyaksikan NKRA Membanteras Rasuah terus meningkatkan proses perubahan yang telah dimulakan dalam GTP 1.0. Tiga aliran kerja akan diteruskan untuk membentuk tulang belakang bagi semua usaha NKRA Membanteras Rasuah, tetapi GTP 2.0 juga akan menyaksikan penambahan komponen pendidikan. Ini disasarkan kepada generasi muda dengan harapan untuk membentuk generasi masa hadapan yang sedar dan proaktif dalam membanteras rasuah.

Antara inisiatif-inisiatif baru lain dalam GTP 2.0 adalah mentransformasikan proses laporan Ketua Audit Negara yang akan menyaksikan pengurangan masa yang diambil untuk melaporkan perolehan kerajaan yang tidak konsisten. Inisiatif tersebut akan mengubah proses laporan supaya laporan Ketua Audit Negara dapat dibentangkan tiga kali setahun di Parlimen yang sebelum ini hanya sekali setahun, serta membenarkan akses pantas kepada laporan tersebut. Oleh itu, NKRA Membanteras Rasuah berharap untuk membantu agensi penguatkuasaan bertindak dengan lebih cepat dalam urusan rasuah, kecurian, salah laku dan isu-isu lain yang berkaitan.



Meningkatkan Kesedaran Orang Awam terhadap Rasuah

- ➔ Memasukkan elemen pencegahan rasuah dalam buku teks sekolah rendah dan menengah
- ➔ Menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah di Maktab Perguruan

Meningkatkan Ketelusan dalam Perolehan Kerajaan:

- ➔ Menaik taraf MyProcument dan intergrasi sistem dengan semua portal perolehan Kerajaan yang berkaitan
- ➔ Akses pantas kepada Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara untuk tindakan segera

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Pelan Hala Tuju GTP 2.0 di gtp.pemandu.gov.my/roadmap2

TESTIMONI & TWEET-TWEET



Siti Najwa
@SitiNajwaAhmad

@gtp_roadmap My aunty joined AZAMKHIDMAT, after proper training she now works at a child care centre and it pays really good.

Sheila Naidu, 45
Suri Rumah

Pihak polis dalam kawasan saya (Seksyen 6, Jalan Gasing, Petaling Jaya) adalah amat bagus. Mereka melakukan rondaan yang kerap dan bertindak balas dengan cepat. Mereka juga sering melakukan dialog dengan penduduk.

Abd Saad
@AbdSaad3

Now my warehouse got no more blackout due 2 cable theft.Thx @pdrmsia for implementing Ops Lusu. No more cable theft #crimenkra @gtp_roadmap

Amir Moslim
@amirmoslim

Did a whole loop of #gokl green line, now on board @MyRapidKL KJ Line. Gotta love the connectivity! @gtp_roadmap

Loh Mee Mian
@meemianloh

yeah heard that they connected electricity too RT @kukokpeng: Gd infra in rural Saratok. Credit to @gtp_roadmap ?



Sivarishvin Rajasingam, 27
Pekerjaan Sendirian

Saya ada nampak peningkatan dalam bidang pendidikan. Juga terdapat kehadiran polis di taman perumahan saya (Sri Petaling). Rondaan kerap dibuat. Lebih banyak boleh dilakukan untuk menangani rasuah.



Aina Liyana, 25
Pelatih

Saya fikir bahawa hasrat kerajaan adalah baik, tetapi pelaksanaan itu boleh diperbaiki. Saya fikir mereka perlu meluaskan inisiatif untuk memberi kesan lebih luas dalam masyarakat. Tetapi, perubahan mengambil masa jadi mungkin kerajaan memerlukan lebih banyak masa.



Saidi Masko, 36
Penjaja

Saya mendapati bahawa bantuan kewangan Kerajaan untuk pelajar adalah sangat berguna. Anak saya berumur 16 tahun, dan bantuan ini meringankan sedikit beban saya. Kami menggunakan wang ini untuk dia membeli buku, jadi gaji saya dapat digunakan untuk perbelanjaan lain.

Ong Kian Ming
@imokman

@PDRMsia just came to my house to follow up on my case, appreciate their effort, hope they manage to catch these guys @gtp_roadmap

amada charlie
@amadacharlie

@gtp_roadmap Must be able to read, understand, communicate. Problem not starting from U, started from early school days.



Moon, 30
Setiausaha

Inisiatif GTP untuk membantu golongan miskin datang tepat pada masanya. Mereka boleh menggunakan wang tersebut untuk membeli barang keperluan, dan tidak perlu mencari wang tambahan melalui cara haram.



Ermayani Bahrom, 21
Jururawat

Terdapat kehadiran lebih banyak polis dalam kawasan kejiranan saya sekarang. Itu adalah bagus kerana kadar jenayah sedang meningkat. Peningkatan taraf sara hidup adalah membimbangkan dan ia akan berguna jika kerajaan dapat menangani isu ini.



Noraini Salleh, 40
Usahawan

Saya adalah penerima bantuan kewangan BR1M. Terdapat golongan miskin yang tidak pernah bermimpi memegang RM 500 dalam tangan mereka. Adalah baik Kerajaan dapat menolong mereka dengan cara itu. Walau ia merupakan bantuan yang dihulurkan sekali, mereka boleh menggunakannya untuk membaiki kehidupan mereka dalam pelbagai cara, sama ada untuk membeli peralatan untuk memulakan perniagaan atau pun membayar pendidikan anak-anak mereka.

Aimi Arina
@eyem3

#didyouknow that a total of 109500 rural homes were connected with clean water supply in 2011 @gtp_roadmap

akmalv.ABU™
@akmalvABU

@gtp_roadmap build multi-lvl parking complex next to train stations. So ppl can park n take train to work. @ldrisJala_

Junaidi Jamsari
@junaidi_jam

@gtp_roadmap To be fair, there are improvements to the LRT. 4 car trains and frequency has increased. Great plan, greater implementation!

Sarah Johan
@johan_sarah

NO CARS! RT @gtp_roadmap: The dedicated bus lanes are to ensure the #GoKL City Bus services meet its frequency of 5mins pic. twitter.com/cMvv88QZ



Amirul Zarif Azri
@amirulzarif

Took d LRT yest afr 2 yrs. Mightily impressed by the improvements & integration of KJ&Ampang line. Well done @gtp_roadmap!

Mohd Khairul Azim, 24
Pegua

Saya berasa bahawa perubahan seperti ini mengambil masa. Untuk saya, inisiatif Kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti guru dan standard pendidikan di negara ini adalah bagus. Ia merupakan titik permulaan untuk berlakunya perubahan di negara ini.



Hasmah Ampala, 41
Guru Tadika

Usaha untuk membina rumah untuk golongan miskin adalah usaha terpuji. Ia telah memperbaiki kehidupan mereka dengan memastikan persekitaran mereka adalah selesa. Saya adalah penerima bantuan BR1M dan saya menggunakannya untuk membeli buku, alat tulis, dan membayar yuran sekolah anak saya.



Azhar Ahmad, 47
Guru

Secara keseluruhan, program ini telah memberi banyak manfaat kepada masyarakat. Ini adalah yang terbaik pernah kami terima setakat ini. Banyak bantuan yang telah diberi kepada orang miskin dan mereka layak menerimanya. Di Yan, Kedah, kerajaan persekutuan telah membaiki lampu supaya lebih cerah di kawasan pekan. Ia telah membantu masyarakat berasa lebih selamat, terutamanya pekerja kilang yang pulang pada lewat malam.